



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KEPERLUAN LATIHAN
PEGAWAI-PEGAWAI POLIS KEARAH
MENINGKATKAN PERKHIDMATAN ORGANISASI
POLIS DIRAJA MALAYSIA**

NIK ABDULLAH BIN NIK MOHD AMIN

FPP 1998 91

**KEPERLUAN LATIHAN
PEGAWAI-PEGAWAI POLIS KEARAH
MENINGKATKAN PERKHIDMATAN ORGANISASI
POLIS DIRAJA MALAYSIA**

NIK ABDULLAH BIN NIK MOHD AMIN

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
1998**



**KEPERLUAN LATIHAN
PEGAWAI-PEGAWAI POLIS KEARAH
MENINGKATKAN PERKHIDMATAN ORGANISASI
POLIS DIRAJA MALAYSIA**

OLEH

NIK ABDULLAH BIN NIK MOHD AMIN

**Kertas Projek Ini Dikemukakan Untuk Memenuhi Sebahagian Daripada
Syarat Bagi Mendapat Ijazah Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia)
(M.Sc.(HRD) Di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.**

Disember 1998



PENGHARGAAN

Bismillah Hirahma Nirahhim,

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Menyayangi,

Bersyukur saya kepada Allah. S.W.T. di atas hidayah, rahmat dan izinNya berjaya juga akhirnya saya menylapkan kertas projek ini walaupun terpaksa menghadapi beberapa kesukaran. Saya akui tanpa sokongan, kerjasama, bantuan dan pertolongan dari orang lain saya tidak berupaya untuk menyiapkannya

Kepada mereka yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya untuk menyiapkan kertas projek ini, saya mengucapkan jutaan terima kasih. Di ruangan ini juga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya kepada:-

- 1. Dr. Bahaman Abu Samah, selaku penyelia kertas projek ini, yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang penyelidikan dijalankan dan pengajian saya di UPM.**
- 2. Prof. Madya Dr. Aminah Ahmad kerana telah sudi menyemak dan memeriksa kertas projek ini, serta memberi teguran yang amat berguna kepada saya dalam usaha menyiapkan kertas projek ini.**
- 3. Dr. Azizan Asmuni dan Dr. Shamsuddin Ahmad, penyelaras Program PJJ, IDEAL, UPM, yang sememangnya telah banyak membantu saya sepanjang pengajian saya di UPM.**

4. Ketua Polis Negara (Bhg. Pengurusan) dan Ketua Polis Melaka, kerana telah membenarkan saya mengikuti program pengajian Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia) di UPM serta membenarkan saya melibatkan anggota PDRM Melaka sebagai sampel kajian.

5. Kedua ibu bapa saya yang sentiasa mendoakan kejayaan saya.

6. Isteri tersayang, Azizah Bt. Adom, anak-anak Nik Azwan Hafizullah, Nik Azrullah, Azean dan Aznir yang telah banyak memberi sokongan moral serta memahami masalah saya sepanjang pengajian ini dan sentiasa mendoakan kejayaan dan keselamatan saya.

7. Kepada semua individu yang tidak berpeluang saya sebutkan namanya di sini yang telah membantu saya, jutaan terima kasih untuk mereka. Budi baik tuan-tuan akan mendapat ganjaran sewajarnya dari Allah S.W.T.

Nik Abdullah Bin Nik Mohd Amin
No. J14, Rumah Pegawai Kanan PDRM.
Komplek PDRM Seri Temenggung.
Jalan Sentosa, Bukit Baru.
Melaka.

Disember 1998

KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGHARGAAN	ii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	x
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xiv

BAB I : PENDAHULUAN

Pengenalan	1
Sejarah Ringkas Pasukan Polis	2
Organisasi PDRM	5
Latar Belakang Masalah	6
Objektif Kajian	10
Objektif Umum	11
Objektif Khusus	11
Skop Dan Batasan Kajian	12
Kepentingan Penyelidikan	13
Definisi Latihan	15

BAB II : SOROTAN BAHAN-BAHAN BERTULIS

Pengenalan	18
Polis DiRaja Malaysia	19
Analisis Keperluan Latihan	22
Latihan	24
Tujuan Latihan	25
Teori-Teori Latihan	26
Kumpulan Teori Behaviorisme	28
Teori Pemerosesan Maklumat	29
Teori Pembelajaran	30
Teori Perkembangan Kurikulum Penilaian	32
Kajian Mengenai Keperluan Latihan	33
Latar Belakang PDRM	35
Latihan Asas	35
Keperluan Sokongan Dalam Pengurusan Latihan	38
Peruntukan Kewangan	38
Kemudahan Asas	39
Teknik Dan Kaedah Latihan	40
Keperluan Tenaga Pengajar	40
Latihan Sebagai Alat Motivasi	42
Rumusan	43

BAB III : METODOLOGI

Pengenalan	44
Reka Bentuk Kajian	44
Populasi Kajian	45
Persampelan	46
Instrumen Kajian	47
Praujji Instrumen	49
Pengumpulan Data	50
Analisis Data	51
Penentuan Kepada Perbezaan Keperluan	51

BAB IV : HASIL KAJIAN

Pendahuluan	55
Latar Belakang Responden	55
Jantina	56
Bangsa	56
Umur	57
Pangkat	58
Tempoh Perkhidmatan	59
Kelulusan	60
Jenis Tugas	61
Tempat Tugas	62
Sikap Terhadap Latihan	63
Latihan Untuk Menambah Pengetahuan	66
Tahap Kepentingan Pengetahuan	67
Keperluan Dan Tahap Pengetahuan	68
Latihan Dikaitkan Dengan Kemahiran Tugas	71
Kepentingan Dan Tahap Kemahiran	74
Kemahiran Latihan Untuk Mengubah Sikap	77
Perbezaan Nilai Min Fungsi Latihan	80
Keputusan Kepada Perkara Umum	81

BAB V: RINGKASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

Pendahuluan	86
Jawapan Kepada Objektif Kajian	92
Objektif Pertama	92
Objektif Kedua	93
Objektif Ketiga	94
Objektif Keempat	95
Penemuan Hasil Kajian	100
Mewujudkan Satu Sistem Latihan Yang Lebih Baik	100
Latihan Sebagai Syarat Kenaikan Pangkat	100
Menyediakan Tenaga Pengajar Yang Berkebolehan	101
Memberi Peluang Untuk Meningkatkan Kelulusan	101
Cadangan Kepada Penemuan Kajian	102

LAMPIRAN.

A	:	Carta Organisasi PDRM	108
B	:	Borang Soalselidik	110
C	:	Surat Permohonan Dan Surat Kebenaran	124

SENARAI JADUAL

JADUAL	MUKA SURAT
1 Keanggotaan PDRM Melaka Hingga Disember 1997.	45
2 Tahap Kebolehpercayaan Instrumen Kajian.	50
3 Taburan Responden Mengikut Jantina.	56
4 Taburan Responden Mengikut Bangsa.	57
5 Taburan Umur Responden.	58
6 Taburan Responden Mengikut Pangkat.	59
7 Taburan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan.	60
8 Taburan Frekuensi Responden Mengikut Kelulusan.	61
9 Taburan Frekuensi Jenis Tugas Responden	62
10 Taburan Frekuensi Tempat Bertugas Responden.	63
11 Nilai Sikap Terhadap Latihan.	64
12 Jadual Menunjukkan Kepentingan Pengetahuan.	67
13 Frekuensi Dan Nilai Tahap Pengetahuan Responden.	67
14 Nilai Kepentingan Dan Tahap Pengetahuan.	71
15 Tahap Kepentingan Kemahiran Untuk Mempertingkatkan Perkhidmatan	72
16 Frekuensi Tahap Kemahiran Responden	73

17.	Nilai Kepentingan Kemahiran Dan Tahap Kemahiran.	75
18	Keupayaan Latihan Untuk Mengubah Sikap.	78
19	Jenis Latihan Yang Diperlukan.	79
20	Perbezaan Kepada Nilai Min Fungsi Latihan.	80
21	Nilai Keperluan/Pengurusan Latihan.	82

SENARAI RAJAH

RAJAH

MUKA SURAT

- 1 Gandingan Tahap Pengetahuan Dengan
Tahap Kepentingan.**

53

Abstrak kertas projek yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk mendapat Ijazah Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia)

**KEPERLUAN LATIHAN PEGAWAI-PEGAWAI POLIS
KEARAH MENINGKATKAN PERKHIDMATAN
ORGANISASI POLIS DIRAJA MALAYSIA**

**OLEH
NIK ABDULLAH BIN NIK MOHD AMIN**

DISEMBER 1998

**Penyelia : Dr. Bahaman Abu Samah
Jabatan Pendidikan Pengembangan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia.**

Latihan dalam organisasi merupakan satu proses pembelajaran yang dapat membantu individu di dalam sesebuah organisasi untuk mempertingkatkan keberkesanan perkhidmatan dan sekali gus untuk mencapai objektif organisasi tertentu sama ada ianya berorientasikan perkhidmatan atau pengeluaran. Objektif umum dalam kajian ini ialah untuk mengenal pasti keperluan latihan dan menentukan jenis latihan yang perlu diberikan kepada pegawai dan anggota polis kearah mempertingkatkan perkhidmatan mereka kepada orang ramai seperti mana yang telah ditetapkan oleh organisasi.

Keperluan latihan di sini merujuk kepada bentuk-bentuk latihan dari aspek untuk mempertingkatkan pengetahuan, menambahkan kemahiran pegawai dan anggota sejajar dengan perkembangan semasa dan bentuk latihan yang dapat mengubah sikap pegawai dan anggota yang sedang bertugas dengan Polis DiRaja Malaysia.

Kajian ini merupakan penyelidikan deskriptif, sampel kajian terdiri daripada 160 orang pegawai dan anggota pelbagai pangkat yang sedang berkhidmat dengan PDRM di Negeri Melaka. Instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik yang dikendalikan sendiri oleh penyelidik. Kajian awal telah dijalankan untuk menguji kebolehpercayaan alat kajian.

Sejumlah 105 soalan dimuatkan dalam borang soal selidik yang dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian A berkaitan dengan latar belakang responden, bahagian B pula mengandungi soalan yang berkaitan dengan keperluan latihan dan tahap kecekapan responden dari aspek fungsi latihan, iaitu untuk menambah pengetahuan dan kemahiran serta untuk mengubah sikap, manakala bahagian C pula mengandungi soalan umum yang juga berkaitan dengan keperluan dan pengurusan latihan.

Data kajian dianalisis dengan menggunakan program "Statistical Package for Social Science" (SPSS). Kajian mendapati 86.20% responden menyatakan bahawa pengetahuan adalah penting sedangkan 93.20% menyatakan tahap pengetahuan mereka adalah rendah dan sederhana. Dari segi kemahiran tugas pula 98.8% responden menyatakan kemahiran tugas adalah penting sedangkan kemahiran yang sedia ada pada mereka ialah 84.90% sederhana dan rendah. Analisis data juga mengesahkan bahawa latihan sememangnya berupaya membaiki kelemahan pegawai dan anggota. Kajian juga mendapati pengetahuan dan kemahiran IT amat diperlukan bagi pegawai dan anggota dalam usaha untuk meningkatkan perkhidmatan organisasi PDRM.

Dengan ini bermakna PDRM memerlukan satu perancangan pengurusan yang sistematik dan berterusan untuk mengendalikan latihan, berdasarkan fungsi latihan itu sendiri. Serta mempertingkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran dalam membina kurikulum dan objektif latihan yang dapat memenuhi keperluan semasa dan masa akan datang.

Hasil dari kajian ini diharap akan dapat membantu pengurusan latihan dalam organisasi khasnya organisasi yang berorientasikan perkhidmatan seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), merancang dan membina kurikulum dan objektif latihan yang lebih sesuai untuk mencapai matlamat organisasi.

**Abstract of the project paper submitted to the Senate of University Putra Malaysia
in partial fulfilment of the requirements for the degree of
Master of Science (Human Resource Development)**

**TRAINING NEEDS FOR POLICE PERSONNEL IN AN EFFORT
TO UPGRADE THE ORGANIZATIONAL SERVICES OF
THE ROYAL MALAYSIAN POLICE**

By

**NIK ABDULLAH BIN NIK MOHD AMIN
December 1998**

**Supervisor : Dr. Bahaman Abu Samah
Faculty of Educational Studies
University Putra Malaysia**

Training in an organization is a learning process which can help the individual within it enhance or improve service effectiveness, at the same time to achieve the organizational objectives be it in terms of service or production. The general objective of this study is to identify the level of training needs and the type of training that should be provided for the police personals with the aim to upgrade their services for the public as set by the organization.

Traning needs in this context refer to the aspects of training that will enable the upgrading of knowledge; improves the skills of police personnel in tandem with current development and those which able to change the attitudes of police personnel serving in the Royal Malaysian Police Force (RMPF).

This is a descriptive research. The research sample comprises of 160 police personnel from officers through the ranks serving with the RMPF in the state of Malacca. The research instrument is a self administered questionnaire. The questionnaire was pre-tested to ascertain its validity and reliability.

The questionnaire contains 105 questions which are divided in the three sections. Section A concerns the background information of the respondents. Section B contains questions relating to training needs and the level of competency of various training functions like knowledge, skills and attitudes. Section C is made up of questions relating to training needs and training management.

The research data was analysed using the "Statistical Package for Social Science" (SPSS). The result indicated that 86.20% of the respondents agreed that knowledge is important, yet 93.20% stated that their level of knowledge is low or moderate. In terms of working skills, 98.8% stated that they were very important and 84.90% stated that their skill level is low to moderate. The data also revealed that training can improve the knowledge, skills and services of police personnel. It is also found that knowledge and skills in IT are high need areas for the police personnel in order to upgrade the organizational services in the RMPF.

The RMPF thus need a systematic and long term management plan to conduct training. It has to upgrade the knowledge and skills in curriculum

development and setting suitable training objectives that will cater to current and future needs.

The research finding should be useful for training management in service oriented organizations like the RMPF in programme planning, curriculum development and setting objectives to achieve organizational goals.

BAB I

PENDAHULUAN

PENGENALAN

Polis Diraja Malaysia (PDRM) merupakan satu-satunya organisasi kerajaan yang menyediakan perkhidmatan berbentuk keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang yang sah di Malaysia. Pasukan Polis telah wujud di negara ini sejak zaman kesultanan Melayu Melaka lagi. Ia berkembang seiring dengan pembangunan negara dengan memberi berbagai bentuk perkhidmatan khususnya dalam menentukan keamanan dan keselamatan negara.

Walaupun telah banyak memberi khidmat dan jasa kepada negara dan bangsa serta mendapat pujian dari banyak pihak namun masih wujud beberapa kelemahan yang sering diperkatakan oleh masyarakat. Kelemahan ini berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab serta imej pasukan.

Usaha gigih sememangnya sentiasa dijalankan oleh pucuk pimpinan dan pegawai-pegawai atasan untuk membetul segala kelemahan yang telah dan sedang berlaku dalam pasukan polis. Usaha dilakukan untuk membaiki segala bentuk salah laku atau ketidakcekapan

anggota dan pegawai kearah mewujudkan perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai.

Berdasarkan kepada beberapa andaian yang dikemukakan, didapati salah satu cara untuk mengatasi kelemahan tersebut ialah dengan melalui pendekatan latihan.

SEJARAH RINGKAS PASUKAN POLIS

Polis Diraja Malaysia (PDRM) merupakan salah satu organisasi kerajaan yang terbesar di Malaysia. Pasukan Polis telah ditubuhkan secara rasmi pada 25hb. March 1807 di Pulau Pinang. Kerajaan Pulau Pinang ketika itu mengistiharkan Charter of Justice atau Piagam Keadilan Pertama di Negeri Selat. Walaubagaimana pun mengikut catatan sejarah pasukan polis, pengawal keamanan ketika itu telah wujud sejak zaman kesultanan Melaka, di mana "Temenggung" bertindak sebagai ketua polis yang bertanggungjawab untuk memungut cukai, penguatkuasaan undang-undang dan menjaga keselamatan kampong.

Beberapa negeri di bawah pemerintahan Inggeris kemudiannya mempunyai pasukan polis sendiri. Melaka mempunyai pasukan polis pada tahun 1825 dan Singapura pada tahun 1814. Manakala Perak mempunyai pasukan polis pada tahun 1873. Selangor pada tahun 1871 serta Pahang pada tahun 1889. Negeri-negeri lain juga telah menubuhkan pasukan

polis sendiri. Pasukan polis di semua negeri di Tanah Melayu kemudiannya disatukan pada 24hb Julai 1958 dan diberi nama baru iaitu Polis Diraja Persekutuan dan pada 16hb September 1963 pula ditukar kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Perkataan polis berasal dari perkataan Greek iaitu "POLITEIA" yang bermakna tugas yang dijalankan berkaitan dengan kerja-kerja keselamatan, kekejaman dan pengitipan. Manakala semasa zaman keagungan empayar Rom dan China, polis diberi tanggungjawab sebagai penguatkuasa undang-undang bagi kepentingan negara.

Dalam pengertian moden hari ini David (1975), mendefinisikan polis sebagai satu pekerjaan masyarakat. Ia merupakan sebuah pasukan berpakaian seragam yang akan bertanggungjawab untuk memastikan undang-undang dan peraturan sesebuah negara itu dipatuhi.

Selain itu Patholm (1969), mendefinisikan pasukan polis atau polis sebagai sebuah agensi awam yang diamanahkan serta dipertanggungjawab untuk mengawal dan menguatkuasakan undang-undang sesebuah masyarakat dan peraturan tingkah laku sosial masyarakat di dalam sesebuah negara di mana pasukan polis itu ditubuhkan. Mengikut Kamus Dewan, polis didefinisikan sebagai satu pasukan yang mengawal (menjaga) keamanan negara dan tatatertib awam, mencegah pelanggaran hukum dan lain-lain.

Seperti yang disebut sebelum ini, PDRM merupakan salah satu jabatan kerajaan yang besar di bawah Kementerian Dalam Negeri. Ianya merupakan sebuah jabatan yang mempunyai aktanya yang tersendiri (Akta Polis 1967), peraturan-peraturan polis (Police Regulation) dan beberapa Arahan Tetap Ketua Polis Negara. Tugas sebagai anggota polis bukan sahaja menguatkuasakan undang malahan mereka juga akan berhadapan dengan orang ramai dalam menjalankan tugas-tugas tersebut.

Sebagaimana yang tercalat dalam Seksyen 3 (3) Akta Polis 1967, secara umumnya polis adalah berperanan untuk:-

1. Memelihara undang-undang dan ketenteraman,
2. Menjaga keamanan dan keselamatan negara,
3. Mencegah dan mengesan jenayah,
4. Menangkap dan mendakwa penjenayah-penjenayah, dan
5. Mengumpul risikan keselamatan negara.

Sebagai tambahan kepada peruntukan undang-undang di atas secara lebih terperinci peranan dan tugas polis termasuklah menangkap semua orang yang berhak ditangkap menurut undang-undang yang sah; menjalankan risikan keselamatan; menjalankan pendakwaan; menolong menjalankan sebarang kehendak undang-undang mengenai hasil, cukai, kesihatan, imigresen dan pendaftaran. Selain itu polis juga berperanan

dalam menolong mengekalkan ketenteraman pelabuhan, pengkalan dan lapangan terbang; menguatkuaskan undang-undang pelabuhan, selain daripada itu polis juga berperanan untuk menjalankan saman dan sebagainya, menghebahkan maklumat-maklumat, menjaga harta benda orang awam, menangkap binatang yang berkeliaran dan menjaga keamanan.

Dengan lain perkataan, perkhidmatan polis bukan sahaja terbatas kepada penguatkuasaan undang-undang tetapi ia meliputi apa juga tugas yang berhadapan dengan orang ramai dan masyarakat. Fungsi pasukan dan anggota polis turut berubah dari sebuah badan penguatkuasa undang-undang (force) pada masa dahulu kepada sebuah pasukan yang bersifat memberi perkhidmatan (service) kepada masyarakat seperti hari ini. Sekali gus mereka dituntut untuk menyumbangkan perkhidmatan mereka pada masyarakat pada tahap yang tertinggi.

ORGANISASI PDRM

Seperti yang tercatat dalam Seksyen 4 Akta Polis 1967, Ketua Polis Negara adalah pemerintah kepada Pasukan Polis Diraja Malaysia. Beliau bertanggungjawab kepada Menteri Dalam Negeri dan Kerajaan Malaysia dalam hal-hal pengurusan dan pentadbiran organisasi ini, seperti yang telah ditetapkan oleh undang-undang negara. Beliau dibantu oleh seorang Timbalan Ketua Polis Negara dan beberapa orang Pengarah

yang mengetuai jabatan-jabatan tertentu seperti Pengarah Pengurusan, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Pengarah Cawangan Khas, Pengarah Keselamatan Dalam Negeri Dan Ketenteraman Awam, Pengarah Logistik dan Pengarah Cawangan Narkotik. Manakala diperingkat negeri pula PDRM mempunyai struktur organisasi yang tertentu. Keseluruhan organisasi PDRM dapatlah kita lihat seperti gambarajah di lampiran A.

LATAR BELAKANG MASALAH

Sebagai sebuah organisasi besar yang berorientasikan perkhidmatan, banyak rungutan disuarakan oleh orang ramai, selaku pelanggan kepada perkhidmatan yang diberi oleh polis. Pembangunan negara yang begitu ketara sedikit sebanyak telah memaksa polis berubah fungsi dari satu masa kepada satu masa tanpa lari dari matlamat asalnya sebagai sebuah organisasi yang berorientasikan perkhidmatan.

Pada peringkat awal penubuhan organisasi PDRM moden, polis dianggap sebagai organisasi yang bertanggungjawab kepada penguatkuasaan undang-undang serta mengajar rakyat di negara ini untuk mematuhi peraturan dan undang-undang demi kesejahteraan rakyat dan keselamatan negara. Fungsinya turut berubah apabila negara mula membangun, di mana fungsi anggota dan pasukan polis bertukar dari menguatkuasa undang-undang kepada menjaga keselamatan negara.